

61

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM

TARIKH : 08 NOVEMBER 2017

RUJUKAN : 10314

SOALAN :

PR-1353-L03664

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan ciri-ciri keselamatan pasport Malaysia yang kini dikeluarkan oleh Datasonic Group Berhad. Memandangkan cip yang mengandungi data pemegang pasport kini dimasukkan dalam muka polycarbonate dalam pasport, dan bukan dalam muka terakhir pasport seperti dalam pasport buatan IRIS Corp, apakah Kementerian telah membetulkan sistem pasport Datasonic yang menjejaskan keselamatan pasport Malaysia.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ciri-ciri keselamatan yang terdapat di dalam Pasport Malaysia Antarabangsa tidak boleh didedahkan kepada pihak umum atas faktor keselamatan. Perubahan kedudukan cip dari mukasurat belakang ditukar ke muka surat *polycarbonate* tidak menjejaskan sebarang ciri-ciri keselamatan sedia ada dalam Pasport Malaysia Antarabangsa.